



SIARAN AKHBAR

JERAYAWARA KESEDARAN KEWANGAN BERSEMPENA DENGAN HARI MENABUNG KEBANGSAAN 2019 KOLEJ INTERNATIONAL GRADUATE STUDIES

HARI RABU, 27 ZULKAEDAH 1440H BERSAMAAN DENGAN 31 JULAI 2019M

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), dengan kerjasama Jabatan Perancangan dan Pembangunan Ekonomi (JPKE) dan Tabung Amanah Pekerja (TAP) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE), Kementerian Pendidikan (MOE), *Junior Achievement* (JA) Brunei dan beberapa institusi-institusi kewangan telah menganjurkan Jerayawara Kesedaran Kewangan yang ketiga bersempena Hari Menabung Kebangsaan 2019 di Kolej International Graduate Studies (KIGS) pada hari Rabu, 27 Zulkaedah 1440H bersamaan dengan 31 Julai 2019M.
2. Hadir selaku Tetamu-tetamu Kehormat ialah Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh, Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman, Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Ketua Kampung Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong. Turut hadir ke majlis tersebut ialah pegawai-pegawai kanan daripada AMBD dan TAP serta pihak pengurusan kanan daripada KIGS.
3. Jerayawara Kesedaran Kewangan tersebut juga bertujuan untuk melengkapkan pelajar-pelajar peringkat universiti dan institusi pengajian tinggi dengan kemahiran pengurusan kewangan sebelum menempuh alam pekerjaan dan dalam masa yang sama, memupuk gaya hidup kewangan yang sihat.
4. Seramai lebih 100 orang pelajar daripada KIGS dan *Cosmopolitan College of Commerce and Technology* (CCCT) telah menyertai aktiviti-aktiviti interaktif yang bertemakan pengurusan kewangan. Aktiviti-aktiviti tersebut telah dianjurkan bersama oleh pihak AMBD, Jabatan Perancangan dan Pembangunan Ekonomi (JPKE), Tabung Amanah Pekerja (TAP), Pusat Perbankan Islam, Kewangan dan Pengurusan (CIBFM), Persatuan Perancang Kewangan (FPAB), *Junior Achievement* (JA) Brunei serta institusi-institusi kewangan yang turut serta.
5. Jerayawara Kesedaran Kewangan yang seterusnya akan diadakan di Universiti Teknologi Brunei (UTB) pada hari Khamis, 1 Ogos 2019.
6. Acara kemuncak bagi Hari Menabung Kebangsaan 2019 ialah *Financial Fun Fair* yang akan diadakan di *Jerudong Park Colonnade* pada hari Sabtu, 17 Ogos 2019 dan hari Ahad, 18 Ogos 2019. Pelbagai program dan aktiviti menarik sesuai untuk seisi keluarga akan diadakan termasuk persembahan khas daripada Pasukan Pancaragam Polis Diraja Brunei, *Financial Race* dan *Eco-Tech Financial Costume Competition*.

7. Maklumat lanjut mengenai dengan Hari Menabung Kebangsaan 2019, boleh didapati di laman web AMBD di www.ambd.gov.bn; atau memuat turun aplikasi mudah alih AMBD melalui 'App Store' atau 'Google PlayStore'; atau mengikuti akaun Instagram AMBD di @autoriti_monetari.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Date: 27 Zulkaedah 1440/ 31 Julai 2019

Ref: AMBD/COMMS/3